

**SOALAN NO: 14**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS**  
**[TELOK KEMANG]**  
**TARIKH : 16 NOVEMBER 2016**  
**SOALAN :**

**YB Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang]**  
] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-

(a)kesan usaha Hospital Beyond Border (HBB/NGO) yang telah diiktiraf sebagai pencetus perubahan dalam agenda Pembangunan Kelestarian 2030, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada tahun ini melalui khidmat perubatan kepada komuniti kurang berkemampuan; dan

(b)rancangan Kementerian untuk mengembangkan lagi usaha serta kerjasama seumpama ini bersama NGO-NGO bagi manfaat masyarakat dalam perkara-perkara yang melibatkan kesihatan dan perubatan.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Hospital Merentasi Sempadan atau *Hospital Beyond Boundaries* (HBB) adalah merupakan satu pertubuhan bukan kerajaan yang bukan berdasarkan keuntungan dan telah diasaskan Dr Mohd. Lutfi Fadil Lokman yang baru-baru ini telah terpilih menjadi salah seorang antara 17 Pemimpin Muda di bawah Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu bagi mengiktiraf kepimpinan dan sumbangan beliau untuk mencapai Agenda Pembangunan Lestari 2030 melalui usaha HBB yang menawarkan khidmat perubatan kepada komuniti kurang berkemampuan. Pembiayaan aktiviti yang dijalankan adalah melalui pengumpulan dana kebajikan oleh organisasi itu sendiri tanpa penglibatan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Walau bagaimanapun, memandangkan perkhidmatan yang ditawarkan adalah membabitkan rawatan kesihatan dan dilakukan secara sukarela serta diterajui oleh seorang pegawai perubatan KKM, terdapat ramai warga kementerian yang telah menawarkan perkhidmatan sebagai sukarelawan di bawah organisasi tersebut. KKM sentiasa menyokong mana-mana individu yang bertugas di bawah Kementerian untuk menjalankan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan bersama mana-mana NGO yang diiktiraf oleh negara.

**Tuan Yang di-Pertua,**

YB Menteri Kesihatan melalui 10 Perkara Utama yang telah dikenalpasti, menggalakkan dan menyokong badan-badan bukan berdasarkan keuntungan atau *Non-Governmental Organisation* (Perkara 3: Promote

*and Support Non-Profit Organisation).* Pada tahun 2014, sejumlah RM3,288,212.00 telah diperuntukkan kepada NGO-NGO yang terpilih untuk kepentingan perkhidmatan perubatan kepada rakyat manakala sebanyak RM516,550.00 telah disalurkan secara "*capital grant*" pada tahun yang sama. Walaupun tiada peruntukan secara "*capital grant*" diluluskan pada tahun 2015, namun jumlah peruntukan untuk aktiviti NGO telah meningkat kepada RM3,662,045.00 pada tahun tersebut.

KKM telah mengenalpasti kerjasama sedia ada dengan beberapa NGO untuk memotivasi rakyat agar menghargai kesihatan sebagai aset yang berharga. Rakyat juga digalakkan untuk menambahbaik status kesihatan mereka untuk kualiti hidup yang lebih baik.

NGO-NGO yang bekerjasama dengan kementerian untuk memberikan manfaat kepada rakyat adalah seperti Majlis AIDS Malaysia, Majlis Kanser Negara (MAKNA), dan Majlis Kesihatan Mental Malaysia. Selain daripada itu, terdapat NGO lain seperti Persatuan Diabetes Malaysia, St. John's Ambulance, Red Crescent Society dan PUSPANITA. NGO ini terlibat dengan menganjurkan kempen kesedaran kesihatan di peringkat negeri dan kebangsaan serta menyokong kempen kesihatan yang dilaksanakan oleh Kementerian.

Rancangan untuk memperluaskan lagi kerjasama dengan NGO adalah dengan menjalankan kajian dan mengevaluasi kempen kesihatan, menyediakan serta mengedar risalah pendidikan kesihatan yang berkaitan, memperluaskan kemahiran serta membantu aktiviti komuniti di lapangan.